

NO SOALAN :86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 31.07.2017****Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara dari tahun 2009 hingga sekarang dan usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan bagi membayar balik hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 52.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding RM362.4 bilion atau 50.8% pada tahun 2009. Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (50.6% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan

pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kerajaan sentiasa memastikan bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah ke atas hutang Kerajaan Persekutuan merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat, iaitu dibawah perbelanjaan tanggungan. Bagi tahun 2017, sejumlah RM28.8 bilion atau 13.4% daripada perbelanjaan mengurus (OE) telah diperuntukkan bagi tujuan bayaran khidmat hutang.

3. Bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

- i. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara serta memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- ii. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;
- iii. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada

perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan

iv. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

4. Kerajaan yakin dengan langkah-langkah tersebut akan membolehkan paras hutang Kerajaan Persekutuan dikurangkan setelah mencapai matlamat bajet hampir berimbang menjelang tahun 2020. Selaras dengan ini, konsolidasi hutang juga dapat dilaksanakan selepas Kerajaan dapat mencapai lebihan fiskal. Ini kerana kutipan hasil dapat menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan, dan Kerajaan tidak perlu lagi membuat pinjaman baharu untuk membiayai program dan projek.